

2 anak sungai punca banjir

» Aliran air luar biasa hanyutkan lumpur, kayu

Oleh Siti Azila Alias
sitiiazila@bh.com.my

► Bentong

Kejadian banjir lumpur di Kilometer (km) 52.4 Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak minggu lalu yang turut merosakkan kuarters Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JP-NP), dikesan berpunca dari dua anak sungai berlainan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata hasil tinjauan di atas bukit Hutan Simpan Lentang, mendapati hujan lebat pada petang 11 November lalu menyebabkan aliran air luar biasa dari dua sungai itu yang turut menghanyutkan bersama lumpur dan kayu hingga menyebabkan banjir lumpur.

Sehubungan itu, katanya, beliau akan menghantar pasukan ke kawasan berkenaan bagi meneliti sumber air serta punca pergerakan air luar biasa di kedua-dua sungai itu yang mengalir ke satu sungai sama, iaitu Sungai Benus.

“Aliran air luar biasa berlaku serentak berikutan hujan lebat pada hari kejadian menyebabkan km 52.4 dan kuarters JP-NP dilanda banjir lumpur,” katanya yang turut menafikan aktiviti pembalakan menjadi punca bencana terbabit.

Beliau yang meluangkan lebih sejam mendaki bukit di hutan simpan berkenaan semalam, turut mencadangkan



Shahidan (kiri) ketika meluangkan masa **meninjau kawasan banjir lumpur** di Hutan Simpan Lentang di Bentong, semalam. (FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI/BH)

supaya takungan air kecil bertingkat dibina bagi mengawal pergerakan air seterusnya meminimumkan risiko banjir lumpur.

Perancangan pasca bencana

Dalam perkembangan berkaitan, Shahidan berkata, beliau akan memanggil Agensi Pengurusan Bencana (APBN) serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan minggu ini untuk berbincang mengenai perancangan pasca bencana, termasuk banjir lumpur di Bentong.

Selain itu, katanya, satu pameran akan turut diadakan berdekatan bangunan Parliamen, Khamis ini bagi mem-

bolehkan setiap negeri berkongsi pengalaman menguruskan banjir sebagai persediaan menghadapi bencana berkenaan.

Sementara itu, Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak yang ditutup sejak 11 November lalu susulan banjir lumpur di km 52.4, dibuka sepenuhnya kepada pengguna pada jam 12.40 tengah hari semalam.

Ketua Polis Daerah Bentong, Superintendan Mohammad Mansor Mohamad Nor ketika dihubungi BH semalam, berkata pembukaan laluan itu dibuat selepas kerja pembaikan oleh syarikat konsesi lebuhraya, ANIH Berhad di kawasan terjejas, siap.

Tinjauan BH mendapati aliran trafik di lebuhraya berkenaan, terutama di kawasan kejadian berjalan lancar dengan pihak konsesi turut mengambil inisiatif menurap semula jalan sepanjang kira-kira 100 meter selain memasang penghadang konkrit di tepi lebuhraya.

Dalam kejadian pada jam 7 malam Rabu lalu, hujan lebat selama dua jam mengakibatkan kedua-dua laluan di lebuhraya itu ditimbuni lumpur dan pokok serta serpihan kayu jatuh dari kawasan lereng bukit, sepanjang kira-kira 500 meter dan menyebabkan ribuan kenderaan terkandas hampir sembilan jam.